



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
5 OGOS 2020 (RABU)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



KERATAN AKHBAR 5 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	RM35.41b tingkat mutu bekalan air
MUKA SURAT	22

22



Sinar NEGERI • SELANGOR/KL

RABU 5 OGOS 2020 • SINAR HARIAN

RM35.41b tingkat mutu bekalan air

Perbelanjaan tersebut melibatkan tempoh 30 tahun bagi tujuh rancangan dan inisiatif untuk bekalan air terawat

Oleh NUR FARHANA ABDUL MANAN

KUALA LUMPUR

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) akan membelanjakan RM35.41 bilion dalam tempoh 30 tahun untuk melaksanakan tujuh rancangan dan inisiatif strategik.

Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Suhaimi Kamalza man berkata, perbelanjaan modal (Capex) itu adalah bagi

membolehkannya mengekstrak, merawat serta mengagihkan bekalan air terawat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Beliau berkata, perbelanjaan itu bagi memastikan pengurusan air yang cekap menerusi usaha meningkatkan taraf bekalan air, pelaksanaan inisiatif untuk mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW) dan memastikan bekalan air mencukupi untuk semua pengguna.

“Walaupun situasi masa depan tidak dapat diramal berikutkan keadaan ekonomi yang tidak menentu dan cabaran semasa pandemik Covid-19, jaminan Air Selangor untuk memberikan perkhidmatan dan prestasi cemerlang tidak berubah dan tetap utuh.

“Dalam kita mengorak langkah di tahun 2020, kami berse-



SUHAIMI

dia dan komited untuk mengadaptasi norma baharu.

“Kami tetap teguh dan fokus dalam memberikan perkhidmatan dan kualiti air yang terbaik seiring dengan usaha untuk memberi pengalaman pelanggan terbaik,” katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Terdahulu, beliau memaklumkan Air Selangor menerbitkan Laporan Prestasi 2019 yang memberi tumpuan pencapaian dan pelaksanaan beberapa inisiatif utama sebagai pemegang lesen tunggal pembekal air kepada 8.4 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur serta Putrajaya.

Menurutnya, prestasi tahun 2019 menunjukkan strategi transformasi radikal seiring dengan usaha pihaknya meningkatkan kecekapan operasi termasuk mengurangkan kadar

purata tahunan air tidak berhasil (NRW) daripada 31.6 peratus pada 2018 kepada 29.6 peratus tahun lalu.

“Dalam tempoh tiga tahun sejak 2017, kadar NRW dikurangkan secara progresif, kami percaya penurunan kadar NRW secara konsisten dapat dicapai pada setiap tahun. Air Selangor membelanjakan sejumlah RM201.9 juta pada tahun 2019 menerusi Program Pengurangan NRW.

“Ini termasuk usaha untuk mengurangkan kes paip pecah, pemasangan sensor pada paip utama, kerja penggantian meter lama dan rosak serta penggantian paip lama dan yang kerap pecah,” katanya.

Suhaimi berkata, laporan itu juga menunjukkan kejayaan Air Selangor dalam meningkatkan rezab bekalan air kepada 10.97 peratus pada Disember 2019 berbanding 4.51 peratus pada

2018 melalui peningkatan kapasiti pengeluaran bekalan air te-

rawat daripada 34 loji rawatan air termasuk Stream B, Loji Rawatan Air Langat 2 dan Loji Rawatan Air Labuhan Dagang yang mula beroperasi tahun lalu.

“Tahun lalu, Air Selangor juga mencapai permatuhan kualiti air secara keseluruhan pada tahap 99.87 peratus melepas penanda aras bagi Piawaian Kualiti Air Minum Nasional yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu pada tahap 92.7 peratus,” katanya.

Beliau berkata, sejumlah RM162.2 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja penggantian paip lama dan kerap pecah yang terbukti berjaya mengurangkan Indeks Paip Pecah (PBI) kepada 9.6 kes untuk 100 kilometer (km) setahun berbanding standard PBI antarabangsa iaitu 13 kes setiap 100km setahun.

Maklumat lanjut mengenai sorotan Laporan Prestasi Air Selangor 2019 boleh didapati di <https://www.airselangor.com/>.

22



KERATAN AKHBAR 5 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Selangor sedia peruntukan besar tangani banjir
MUKA SURAT	22

Selangor sedia peruntukan besar tangani banjir

KUALA SELANGOR

- Kerajaan Selangor membelanjakan peruntukan yang besar bagi menyelesaikan masalah banjir di beberapa kawasan berisiko di negeri ini melalui projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang dianggarkan bernilai kira-kira RM50 juta hingga RM60 juta.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, peruntukan berkenaan disalur kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) secara berterusan terutama di kawasan muara sungai yang terlibat dalam projek tersebut.

Menurutnya, RTB yang dilaksanakan kerajaan negeri merupakan pelan berterusan yang dirancang pada 2010 dan tahun ini sahaja, kerajaan negeri memperuntukkan RM10 juta hingga RM15 juta untuk penyelenggaraan saliran.

"Projek JPS ini biasanya mengambil masa yang lama dan panjang kerana membabitkan reka bentuk, selain melibatkan



Amirudin (kiri) memukul gong sebagai simbolik Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RKK Bandar Malawati Kuala Selangor 2025 di Dataran Malawati di sini semalam.

kepakaran tertentu untuk urus tadbir kawasan sungai terlibat," katanya pada sidang akhbar selepas Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bandar Malawati Kuala Selangor 2025 di Dataran Malawati di sini semalam.

Sebelum ini penduduk menggesa Amirudin mencari jalan penyelesaian berhubung kejadian banjir kilat hingga mengakibatkan beberapa rumah penduduk dilimpahi air sehingga dua meter di Kampung Seri Sentosa, Ijok di sini.

22

Amirudin berkata, penyelenggaraan saliran telah pun dilaksanakan namun lewat siap berikut-an pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mengulas mengenai RKK Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Amirudin berkata, ia merupakan satu rancangan pemajuan yang disediakan dalam masa singkat untuk tujuan pelaksanaan segera.

Katanya, Rancangan Tempatan MDKS 2025 telah mengenal pasti lima kawasan bagi cadangan RKK termasuk Bandar Lama Kuala Selangor.



KERATAN AKHBAR 5 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Asrama hangus kerana litar pintas
MUKA SURAT	23

SINAR HARIAN • RABU 5 OGOS 2020

Sinar NEGERI SELANGOR/KL

#JanganPutusAsa
#Malaysia
Sinar

23

Asrama hangus kerana litar pintas

Kediaman pelajar perempuan maahad tafhib terbakar menjelang Subuh

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

BANTING

Séramai 131 pelajar maahad tafhib terselamat selepas bangunan tingkat tiga asrama MAAhad Integrasi Tafhib Selangor (MITS) Kuala Langat di Jalan Istana Lama, Kampung Bandar di sini, terbakar awal pagi semalam.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Pengusaha Kanan Bomba I Hafisham Mohd Noor berkata, seramai 27 pegawai

dan anggotanya dikeharkan ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan pada jam 5.49 pagi.

Menurutnya, keanggotaan melibatkan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Banting, BBP Telok Panglima Garang, BBP KLIA, BBP Pelabuhan Klang dan BBP Seksyen 7 Shah Alam.

"Sampai di lokasi mendapati kebakaran 40 peratus melibatkan asrama perempuan tingkat empat," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambahnya, kesemua penghuni selamat dan kebakaran terkawal pada jam 6.24 pagi.

Kebakaran melibatkan tiga bilik mengandungi kelengkapan tilam, katil, almari, buku, pakaian dan tandas dengan lokasi antara asrama dan sekolah kira-kira 100 meter.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Deputi Superintendant Kamalariffin Aman Shah berkata, sia-



Asrama pelajar perempuan MITS Kuala Langat di Banting terbakar dalam kejadian pagi semalam.

satan awal mendapati berlaku litar pintas di dewan asrama terbabit yang menempatkan 36 pelajar perempuan.

"Jumlah keseluruhan pelajar perempuan di blok terbabit adalah seramai 72 orang.

"Tiada sebarang laporan kematian atau kecederaan yang

dialami pelajar serta guru."

"Kerugian yang dialami masih dalam siasatan," kata Kamalariffin kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, kebakaran mula dikesan oleh pelajar yang menduduki aras tiga blok asrama pada jam 5.51 pagi apabila

melihat api dari bahagian bangunan asrama ketika pelajar sedang bersiap untuk menunaikan solat Subuh.

MITS Kuala Langat mula dibina pada tahun 2000 dan beroperasi sepenuhnya pada 2008 dengan mempunyai seramai 55 guru serta 261 pelajar. **23**



KERATAN AKHBAR 5 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Jerit api! Api! Berulang kali
MUKA SURAT	10

Jerit 'api! api! berulang kali

Banting: "Saya sempat melakukan solat sunat, membaca Surah Taha dan tidur seketika sementara menanti masuk waktu Subuh. Bagaimanapun, saya dikejutkan dengan kejadian kebakaran mendadak asrama ini," kata penuntut Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Kuala Langat, Maryam Hadeeja Muhamad Zaidun, 16.

Pelajar tingkatan empat yang menghuni bangunan B di asrama itu berkata, dia bangun seawal jam 4 pagi untuk solat dan mengaji sebelum dikejutkan seorang rakannya bernama Athirah secara mendadak.

"Ketika itu saya menyedari bangunan asrama bersebelahan (Bangunan A) sedang marak terbakar.

"Saya panik dan menjerit 'api! api! berulang kali sebelum jeritan itu disedari penghuni asrama lain. Selepas itu kesemua pelajar di asrama itu bergegas turun ke tingkat bawah untuk menyelamatkan diri," katanya.

Menurutnya, walaupun pada awalnya jumlah pelajar didapati tidak mencukupi, namun dia bersyukur apabila pengiraan semula dilakukan mendapati semua



Saya panik dan menjerit 'api! api! berulang kali sebelum jeritan itu disedari penghuni asrama lain. Selepas itu kesemua pelajar di asrama itu bergegas turun ke tingkat bawah untuk menyelamatkan diri'

Maryam Hadeeja

135 pelajar asrama ini terselamat.

"Jarak antara Bangunan A dan Bangunan B hanya sejauh enam meter dan dihubungkan koridor serta tangga," katanya.

Sementara itu, Nur Athirah Mohamad

Zabuddin, 16, berkata, dia sedang bersiap untuk menunaikan solat Subuh di tingkat dua asrama sebelum melihat cahaya di Bangunan A.

"Mulanya saya menyangka ia lampu jalan sebelum mendapati cahaya itu semakin besar. Ketika itu baru saya menyedari api sedang marak membakar asrama ini.

"Kami semua terkejut dan tak menyangka kebakaran ini berlaku berikutan semua pelajar baharu sahaja pulang ke asrama petang semalam (kelmarin) untuk memulakan persekolahan," katanya.

Seorang lagi pelajar, Ainin Sofiya Romzi, 16, berkata, latihan pengungsian bangunan yang pernah diikuti di maahad itu sebelum ini sangat membantu mereka menyelamatkan diri ketika berlaku kebakaran.

Sementara itu, Pengetua MITS Kuala Langat, Abd Halim Saljadi berkata, kecekapan ditunjukkan pelajar perempuan tingkatan satu hingga lima itu membuktikan latihan pengungsian bangunan yang

dipelajari mereka sangat berguna.

Menurutnya, semua pelajar terbabit berjaya menyelamatkan diri dan berkumpul di tempat ditetapkan di hadapan kuarters guru di maahad terbabit.





KERATAN AKHBAR 5 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Kerajaan negeri salur RM300,000
MUKA SURAT	10



AMIRUDIN (kiri) ketika melawat lokasi maahad terbakar, semalam.

Banting: Tidak sampai 12 jam kebakaran berlaku, kerajaan negeri segera menyeluruhkan peruntukan baik pulih RM300,000 kepada Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Kuala Langat di sini, yang terbakar.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, selain membaiki bangunan asrama yang terbakar, peruntukan itu bertujuan

menambah baik aspek keselamatan bagi memastikan kejadian tidak berulang.

"Keselamatan pelajar terutama anak kita yang menuntut ilmu adalah keutamaan penting bagi semua pihak termasuk kerajaan Selangor.

"Kerajaan negeri sedang menguruskan penempatan sementara buat pelajar yang

terjejas akibat peristiwa kebakaran ini," katanya dalam satu kenyataan di Facebook rasminya semalam.

Pengumuman peruntukan itu dibuat selepas beliau meninjau bangunan asrama perempuan MITS yang terbakar awal pagi semalam.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Deputi

Superintendan Kamalariffin Aman tidak menolak kemungkinan kejadian berpunca dari litar pintas.

"Siasatan awal dijalankan mendapati kemungkinan punca kebakaran akibat masalah litar pintas di asrama pelajar perempuan di aras empat yang menempatkan seramai 36 pelajar perempuan," katanya.



KERATAN AKHBAR 5 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Bakal Hafizah Selamat
MUKA SURAT	11

Harian Metro | Rabu 05.08.2020 • @hmetromy **11** **lokal**

BAKAL HAFIZAH SELAMAT

Asrama pelajar perempuan MITS terbakar awal pagi semalam

KEADAAN
bangunan maahad yang terbakar.

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Banting

Nyawa 135 pelajar perempuan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Kuala Langat di sini, terselamat apabila semua mereka sempat lari menyelamatkan diri sejurus asrama didiami terbakar mendadak.

Dalam kejadian sekitar jam 5.40 pagi semalam, kebakaran dikatakan berlaku di tingkat atas bangunan asrama setinggi empat tingkat itu.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Selangor, Hafisham Mohd berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 5.49 pagi sebelum tiba di lokasi pada jam 6.05 pagi.

Menurutnya, seramai 27 pegawai dan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Banting, BBP Telok Panglima Garang, BBP KLIA, BBP Pelabuhan Klang dan BBP Seksyen 7 dibantah ke lokasi kejadian.

"Sebaik tiba di lokasi, bomba mendapati kebakaran membabitkan bangunan asrama tahfiz menempatkan pelajar wanita.

"Bangunan empat tingkat itu musnah terbakar sebanyak 40 peratus," katanya.

Hafisham berkata, kebakaran terbabit berjaya dikawal sepenuhnya pada jam 6.24 pagi.

Punca kejadian dan jumlah kerugian masih dalam siasatan.

Terdahulu, tular di media sosial video berdurasi satu minit menunjukkan kejadian kebakaran asrama pelajar perempuan berkenaan.

Bangunan empat tingkat itu musnah terbakar sebanyak 40 peratus
Hafisham Mohd

NUR Athirah (kiri), Maryam Hadeja (tengah) dan Alin Sofya berdoa dan memanjatkan kesyukuran selepas terselamat daripada kejadian kebakaran asrama yang dilihuni mereka.



KERATAN AKHBAR 5 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	THE STAR - starmetro
TAJUK BERITA	Starmetro watch
MUKA SURAT	2 - starmetro

Starmetro watch

WATER DISRUPTION
The Sungai Gombak water treatment plant will be temporarily shut on Aug 11 for improvement works. Some 20 areas in the Gombak district will experience water disruption between 8.30am on Aug 11 and 9.30am on Aug 12. The areas include Batu 8-10 Jalan Gombak, Taman Permai Jaya Gombak, British Malaysian Institute, International Islamic School, Kolej Vokasional Gombak, Taman Mutiara, Villa Bistari, Desa Gemilang and Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. For details, call 15300 or visit Air Selangor's social media sites.

ASSESSMENT TAX
Klang Municipal Council is organising an assessment tax payment campaign at selected supermarkets on weekends from 11am to 6pm. MPK counters will be at Aeon Bukit Tinggi Shopping Centre (Aug 8-9), Aeon Mall Bukit Raja (Aug 15-16, Aug 22-23 and Aug 29-30). Payment deadline for the second term is Aug 31. Payment can also be done via Internet banking and Jompay. For details, visit www.mpklang.gov.my

MBPJ HALL BOOKINGS
Petaling Jaya City Council has imposed additional conditions for booking of its multipurpose and community halls for events. There are now fixed time slots for preparation and cleaning work. The host must have an attendance record via the Selangkah system or manual logbook, check guests' temperature and prepare hand sanitisers. Failure to observe these rules will result in the event being cancelled without refund of deposit. For details, call 03-7960 1216/ 1219/ 1220 or visit <http://tiny.cc/kxdsz>

MBSA MATTERS
> Shah Alam City Council is organising a Shah Alam Photography Contest 2020 themed 'Shah Alam Two Decades' until Aug 30. There are four categories – architecture, nature, lifestyle and council assets. Entry is free and open to Malaysians aged 18 and above. Photos have to be taken within MBSA's administrative area.
> MBSA's 'Shah Alam Two Decades' campaign until Aug 30 celebrates the city's 20th anniversary. The public is invited to post "then and now" photos with Shah Alam city as backdrop, such as of Dataran Kemerdekaan, Taman Tasik Shah Alam, Wisma MBSA and Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Photos should be posted on Facebook, Instagram or Twitter, tagged to MBSA's social media account with the hashtag #ShahAlamDuaDekad. For details, call 03-5510 5133 ext 1250/ 1431 or visit www.mbsa.gov.my



KERATAN AKHBAR

5 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	Seeding interest in sustainable city living
MUKA SURAT	2 - starmetro

By AIDA AHMAD
aldaahmad@thestar.com.my

ON a sunny weekday morning, a group of volunteers are busily picking up litter on the side of the road in a quiet neighbourhood of Kota Damansara, Petaling Jaya.

Wong Ee Lynn, a Kota Damansara Community Forest Society (KDCFS) committee member, is leading the pack at Kota Damansara Forest Reserve lake, mostly comprising retirees armed with rubbish-picking sticks and recycling bags.

They diligently walked around the forest reserve lake and its bank to collect rubbish, which was something they did a few times each week in the pre-movement control order days.

With her were retirees George Ng, 60, Koo Wee Hon, 59, Carol Moosdeen, 69, and expatriate Richard Gascoigne as well as KDCFS

president Dorothy Woon.

Seeding interest in sustainable city living

M/S-2
starmetro

MBPJ's second grant programme aims to get more involved in projects that benefit communities

Society president Dorothy Woon.

KDCFS is one of the recipients of last year's PJ SEED (Social, Environment, Economy) Development community grant, an initiative by Petaling Jaya City Council (MBPJ) to make the city a leading, dynamic and sustainable

city by 2030 in line with the 17 United Nations Sustainable Development Goals (SDG).

KDCFS was set up in 2012 to jointly manage the then newly gazetted Kota Damansara Forest Reserve with Selangor Forestry Department.

"We utilised the MBPJ grant to conduct a series of community clean-ups, recreational, as well as natural history and educational activities in the township," said Wong, 42, a former lawyer.

Wong said a lake clean-up was held on Dec 14 last year and they

rented eight kayaks for a *gotong-royong* session.

"Members of the local community rowed the kayaks for us and if they helped clean up the lake, and after that, they received a KDCFS Society T-shirt and refreshments in exchange for a pal or sack of rubbish," she said.

She added that KDCFS comprised volunteers from different non-governmental organisations (NGO) such as Malaysian Nature Society and members of local residents' associations.

KDCFS Society received a grant of RM11,000 from MBPJ to carry out community-centred activities besides training programmes including search and rescue as well as first-aid for hikers to lend a hand as search-and-rescue volunteers.

"This is to reduce the burden of the Fire and Rescue Department firefighters," said Wong.

She said there were plans to execute other activities but everything was halted in late January due to the Covid-19 outbreak.

"Gatherings had to be put on hold, especially activities that involved people congregating in an enclosed space, such as repair workshops."

"When we applied for the grant, our focus was community engagement, green community and education," she said.

"The process was easy and the forms were user-friendly," she said.

She advised future grant applicants to provide as much information as possible and photographs of their activities to MBPJ in the application process.

Earlier this year, Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Sayuthi Bakar announced that MBPJ had allocated RM11mil under its Budget 2020 to launch the second PJ SEED 2.0 grant programme.

He said this was to spur the city council to upgrade its achievements in sectors such as Smart PJ, Low-Carbon City, Circular City, Safe City, Pedestrian-friendly City and Good Chess Society of PJ.

He disclosed that MBPJ received 284 applications last year from residents associations, Rukun Tetangga, various institutions, schools and universities, of which 56 were approved totalling RM883,816 out of the RM3mil allocation.

He explained that a high percentage of applications were not accepted because of low programmatic and sustainability factors, poor applicant status and programme outcomes that did not



Wong says KDCFS utilised the grant to conduct community clean-ups, recreational, as well as natural history and educational activities in Kota Damansara.

fulfil the sustainability and community-based criteria.

"I hope this past experience will allow future applications we receive this year to meet the prescribed criteria," he added.

Other applicants that are eligible for PJ SEED grant include places of worship, NGOs and NPOs.

The applicant's project criteria should be based on either communication, education and public awareness, services, infrastructure, research (a maximum of RM2,000 will be offered for preface research based on suitability, public engagement and project location) and network.

The grants start from RM5,000 to RM50,000 for each project, and the amount will be at the city council's discretion.

Another recipient of last year's PJ SEED grant was Universiti Selangor (Unisel), which received RM80,600 in total to carry out various community projects.

Among Unisel's projects were educational awareness

programmes on national identity through graffiti art to enable cultural development for the urban poor, and science, technology, engineering and mathematics (STEM) learning in Petaling Jaya schools in a drive towards PJ Sustainable City by 2030.

Unisel's Dr Hazeen Hazwan secured part of the grant for a project entitled "STEM Education in Catalysing Sustainable Petaling Jaya 2030."

Hazeen said that as part of Unisel's corporate social responsibility, this seedling project would be carried out in a workshop to train teachers under the supervision of Zone 18 councillor Raja



A photo from January this year of Unisel STEM Squad members (left) explaining one of its modules to students. The project received grant from PJ SEED. — Photo courtesy of Unisel

Fairuz Raja Mazlan.

"This is to support MBPJ's vision for a dynamic and sustainable city by 2030."

"It is essential to equip teachers with STEM education-integrated teaching skills."

"In return, these teachers can groom students with STEM skills in order to ensure that they are the future workforce who will drive Petaling Jaya as a smart learning city," said Hazeen, adding that the workshop would be conducted in SMK Taman Dato' Haron.

Hazeen, who is project coordinator, said the grant would allow them to educate the community via its STEM Query module, which won two gold medals at a Special Award in EuroBusiness Haller, Berlin, at Malaysian Technology Expo 2020 at World Trade Centre Kuala Lumpur.

"The STEM Query module can facilitate and enhance STEM skills such as critical thinking, problem solving, decision making and creativity," he said.

He added that with the recognition community in Petaling Jaya, especially teachers, could benefit from the project in the long run, with the support of MBPJ and Unisel, to contribute to a sustainable ecosystem of STEM education in the city.

Another recipient of the grant, SS25A Rukun Tetangga received RM18,582 for its various initiatives,

namely a book exchange, brush pen and watercolour painting, Read-A-Book Day, herb and vegetable garden and *tai chi* classes.

Its secretary Ivy Hoh said its reading programme was held on the first Sunday of the month at Padang C in SS25/19, to enhance the reading, listening, speaking and thinking skills of children from the community.

"Fourteen children from Rumah Kanak Kanak Implan in SS25/21 were the first group to benefit from this programme," she said.

The closing date for PJ SEED grant applications is Aug 31 and interested applicants can visit www.mbpj.gov.my for details.

Prior to the launch, Sayuthi presented mock cheques to 16 of last year's applicants.



Wong (left) and Koo collecting rubbish in Kota Damansara in the week before MCO started.



KERATAN AKHBAR 5 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	Sungai Chua homeowners want compensation from project contractor
MUKA SURAT	4 - starmetro

Sungai Chua homeowners want compensation from project contractor

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

THREE homeowners are seeking compensation from a contractor on a sewerage upgrading project in Taman Taming Emas in Sungai Chua, Kajang, after their houses suffered major cracks because of construction works carried out at the road outside their homes.

A date has yet to be set to discuss repair works or compensation with the contractor.

However, Kajang Municipal Council said it would step in as mediator between the two parties.

Lew Hui Tse, 45, said all the homeowners wanted was a safe place to stay.

"This problem, which has

dragged on for too long, has forced me to rent a place elsewhere even though I have this property.

"The repair quotation for the house is RM250,000 but the contractor has only agreed to RM180,000, a sum which we have yet to receive," she said in a press conference.

The problem started when cracks began to surface on the walls of her house in Jalan Taming Emas 3 in July 2017.

The cracks worsened over time and after an assessment by the contractor in May 2018, the houses were deemed unsafe and the occupants asked to relocate temporarily.

According to the affected house-

owners, the contractor verbally promised to carry out rectification work within six months but nothing had been done so far.

Some 156 houses were said to be affected by the central sewerage treatment plant upgrading works.

Most of the buildings had only minor cracks and the contractor repaired 149 houses.

Another homeowner, Khor Sim Ee, 50, said the last letter she received from the contractor was dated July last year.

"I wanted to sell the house in 2015 but there was no buyer then."

"With the cracks now, how am I going to sell it?" she said.

Balakong assemblyman Wong Siew Ki said the homeowners



Houseowners taking a look at the cracks in a house in Jalan Taming Emas 3 in Sungai Chua, Kajang.

M/S-4 STARMETRO

could no longer tolerate the damage done to the homes.

"I have received numerous complaints from residents here about cracks appearing in their houses because of the sewerage

upgrading project.

"I urge the contractor to rectify the problem," she said.

Up until press time, the contractor could not be reached for comment.



KERATAN AKHBAR 5 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	Flood mitigation works ongoing in parts of Selangor
MUKA SURAT	4 - starmetro

By BRENDA CH'NG
brenda@thestar.com.my

SELANGOR Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari assures residents that flood mitigation plans are in place to tackle the problem in the state.

"Every year, we allocate funds for flood mitigation but these projects take time to complete because they involve expert input and specific designs as it includes drainage and irrigation."

"We already have plans laid out since 2010, so we are carrying out projects that have been planned year after year," he said in a press conference after launching Bandar Malawati Special Area Draft Plans (RKK) 2025 in Dataran Malawati in Kuala Selangor.

On the recent floods in Ijok and Parit Mahang in Jeram, the Menteri Besar said he was aware of the issue and plans were in place to improve the situation there.

"Those are not the only places which have experienced floods recently."

"Semenyih, Kajang, Sepang and Dengkil were hit as well," he said, adding that rainfall was unusual at this time of year as the rainy season usually took place closer to the year end.

Amirudin said floods occurred because existing drains could not accommodate the large volume of rainwater.

Flood mitigation works ongoing in parts of Selangor

MB: Plans have been in place since 2010 but take time to complete

He said there were ongoing works at river banks now to help mitigate flooding but it was not completed yet because its progress was affected by the movement control order period.

He added that an allocation of between RM10mil and RM15mil had been set aside for maintenance works on drainage and irrigation in Selangor this year.

In July, there had been a number of floods in several areas throughout the state.

On July 18 alone, flash floods hit the districts of Hulu Langat, Sepang, Hulu Selangor, Gombak and Klang.

Hulu Langat was the worst affected with 22 locations hit by floods while in Sepang, 12 areas were submerged.

Cities such as Petaling Jaya, Kuala Lumpur and even Puchong and Dengkil were hit by floods last month as well.



Flash flood at Damansara-Puchong Highway (LDP) near SetiaWalk in July. — Filepic

MS-4 StarMetro



KERATAN AKHBAR 5 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Air Selangor sedia RM35.41b pertingkat mutu bekalan
MUKA SURAT	37

Air Selangor sedia RM35.41b pertingkat mutu bekalan M/S - 37

Dana untuk jayakan tujuh inisiatif strategik

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) akan membelanjakan RM35.41 bilion dalam tempoh 30 tahun untuk melaksanakan tujuh rancangan dan inisiatif strategik.

Perbelanjaan modal itu adalah bagi membolehkannya mengekstrak, merawat serta mengagihkan bekalan air terawat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Suhaimi Kamalzaman, berkata perbelanjaan itu adalah untuk memastikan pengurusan air yang cekap menerusi usaha menaik taraf aset bekalan air; pelaksanaan inisiatif untuk mengurangkan kadar Air Tidak Berhasil (NRW) dan seterusnya memastikan bekalan air mencukupi untuk semua pengguna.

Beliau berkata, pada 2019, Air Selangor berjaya mengurangkan kadar purata tahunan NRW kepada 29.6 peratus berbanding 31.6

 Pada 2019, Air Selangor berjaya mengurangkan kadar purata tahunan NRW kepada 29.6 peratus berbanding 31.6 peratus yang dicatatkan pada 2018.

Suhaimi Kamalzaman,
Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor

peratus yang dicatatkan pada 2018.

Katanya, dalam tempoh tiga tahun sejak 2017, kadar NRW dikurangkan secara progresif dan pihaknya yakin penurunan kadar NRW secara konsisten dapat dicapai setiap tahun.

"Kami membelanjakan RM201.9 juta pada 2019 menerusi Program Pengurangan NRW.

"Ini termasuk usaha mengurangkan kes paip pecah, pemasangan pengesan pada paip utama, kerja penggantian meter lama dan rosak serta penggantian paip lama dan yang kerap pecah," katanya pada sidang media me-

ngumumkan laporan prestasi Air Selangor 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

Bagi 2020, Suhaimi berkata, Air Selangor yang secara rasmi menjadi pemegang lesen tunggal untuk mengekstrak, merawat serta mengagihkan bekalan air kepada 8.4 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mulai 13 September 2019, akan terus menumpukan usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penggunanya.

Beliau berkata, Air Selangor akan terus meningkatkan kecekapan operasinya dan pada masa

sama memastikan bekalan air adalah berkualiti dan mencukupi.

"Walaupun situasi masa depan tidak dapat dijangka berikutkan keadaan ekonomi yang tidak menentu dan cabaran semasa pandemik COVID-19, jaminan Air Selangor untuk memberikan perkhidmatan dan prestasi cemerlang kekal tidak berubah.

"Dalam mengorak langkah pada 2020, kami bersedia dan komited untuk mengadaptasi normal baharu. Kami tetap teguh dan fokus dalam memberikan perkhidmatan dan kualiti air yang terbaik sejajar dengan usaha memberikan pengalaman pelanggan terbaik," katanya.

Pada 2019, pematuhan kualiti air secara keseluruhan yang dicapai Air Selangor ialah pada tahap 99.87 peratus, mele过si pernada aras Piawaian Kualiti Air Minum Nasional yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu pada tahap 92.7 peratus.

Tahun lalu, Air Selangor melabur RM162.2 juta untuk menggantikan 152.52 kilometer paip lama dan kerap pecah, yang terbukti berjaya mengurangkan Indeks Paip Pecah (PBI) kepada 9.6 kes untuk 100 kilometer setahun berbanding standard PBI antarabangsa iaitu 13 kes setiap 100 kilometer setahun.

